

'Gesa Trump letak jawatan selamatkan Amerika'

BH - 11/2/2020 m/s: 2

Cyberjaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata gesaannya supaya Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump meletakkan jawatannya adalah untuk menyelamatkan negara itu.

Menjelaskan kenyataan yang dibuatnya selepas menghadiri Perisidangan Liga Ahli Parlimen Untuk al-Quds di ibu negara, Sabtu lalu, Perdana Menteri berkata, kenyataan itu bukan ditujukan terhadap semua rakyat Amerika.

"Saya dapati rakyat Amerika adalah orang baik, tetapi bukan Presiden Trump. Saya minta beliau meletak jawatan adalah untuk menyelamatkan Amerika," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan ketika dialog anjuran Dewan Perniagaan

dan Perindustrian Perancis Malaysia (CCIFM) di sini, semalam.

Pada Sabtu, Dr Mahathir berkata, Trump patut meletak jawatan berhubung perjanjian damai yang diusahakan oleh AS antara Israel dan Palestin, dengan Trump menyifatkannya sebagai *deal of the century* atau 'perjanjian abad ini'.

Kelmarin, Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia mengeluarkan kenyataan tiga perenggan yang menyatakan kekesalan terhadap komen Dr Mahathir memabitkan Trump.

Menurut kedutaan berkenaan, komen Dr Mahathir itu tidak senada dengan semangat dialog konstruktif yang sekian lama mendasari hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia.